

Kerani buang janin di loji kumbahan didenda RM6,000

LABUAN: Mahkamah Majistret di sini pada Selasa mendenda seorang kerani RM6,000 atau sembilan bulan penjara kerana menyembunyikan kelahiran dengan membuang janin bayi di loji rawatan kumbahan tahun lepas.

Majistret Kasyurrahman Abang Ahmad menjatuhkan hukuman itu ke atas Maria Resi Pora, 27, selepas dia mengaku melakukan kesalahan itu di sebuah rumah sewa di sini kira-kira 3 pagi pada 4 November 2019.

Pekerja Indah Water Consortium yang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan rutin menjumpai mayat itu ter-

perangkap dalam loji terbabit kira-kira pukul 8 pagi keesokannya.

Teman lelaki wanita itu, Muhammad Izzuddin Awang Limun, 26, seorang penjawat awam, yang dituduh bersama atas kesalahan itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mahkamah menetapkan 20 Ogos untuk pengurusan kes.

Muhammad Izzuddin dibebaskan dengan jaminan sebanyak RM1,500 dengan dua penjamin.

Kedua-dua tertuduh diwakili peguam PJ Pereira secara pro bono. - Bernama